7/8/82 17 AUG 1982

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

# PM AKAN DISAMBUT MERIAH

KUALA LANGAT, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir, akan disambut dengan meriah untuk merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Kuala Langat di Dewan Seri Jugra, Teluk Datuk, Ahad ini jam 9 pagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah, akan memeriksa barisan kehormatan terdiri 200 orang anggota Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Bahagian tersebut.

Perdana Menteri dan isterinya kemudian, akan diarak dengan pasukan kompang dan bunga manggar sebaik sahaja sampai di Stadium Jugra hingga ke Dewan Seri Jugra, Teluk Datuk.

Setiausaha UMNO di itu, Encik Abdul Samad bin Maharuddin, memberitahu, beliau telah pun mengundang kira-kira 4,000 orang.